

Seni silat pilihan Kulvinder

Oleh MOHD SANI ALI

DILIHAT dari gerak langkahnya, beliau sama seperti pesilat-pesilat yang lain.

Jika dipandang dari bunga-bunga silatnya, memang tiada siapa menduga pesilat Sendeng Jaya Putra itu bukan pesilat keturunan Melayu.

Itulah gaya Kulvinder Singh, satu-satunya peserta bukan Melayu yang tampil dalam Kejohanan Pencak Silat Nasional, di Dewan Sukan Toa Payoh baru-baru ini.

Tetapi mengapa pencak silat yang menjadi daya penarik Kulvinder, 20 tahun, yang berasal dari Ipoh, Perak?

"Saya mula tertarik kepada pencak silat selepas dipelawa oleh rakan-rakan di tempat kerja saya," kata Kulvinder sebagai menyingskap pelibatangannya dalam pencak silat.

"Kini saya sudah 'jatuh cinta' dengan seni mempertahankan diri Melayu ini," tambah Kulvinder, yang fasih berbahasa Melayu kerana kebetulan beliau dilahirkan di Kuala Kangsar.

12 SEP 1991

Menurut Kulvinder, anak sulung kepada keluarga tiga beradik, ibu dan bapanya tidak membantah apabila diberitahu bahawa beliau menyertai pencak silat sebagai seni pertahanan diri.

"Sebenarnya, sebelum ke Singapura, saya sudah menyertai latihan seni pertahanan diri taekwondo," jelas Kulvinder, yang bekerja di sini sejak setahun lalu.

"Oleh itu, saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menyesuaikan diri, terutama sekali dari segi latihan mahupun pukulan dan serangan."

Bagaimanapun, Kulvinder mengakui pada mulanya beliau agak berasa kekok untuk membuat langkah 'bunga'.

"Tetapi kini saya berasa *okay*," katanya sambil tersenyum.

Tetapi beliau agak kesal kerana tidak dapat menguji kemampuan sebenarnya dalam pertandingan akhir baru-baru ini.

Kulvinder telah memberi kemenangan percuma kepada pesilat Gayong Pasak, Efeendi Ani, dalam pertarungan akhir Kelas C.

"Saya baru saja pulang dari Johor Baharu kerana menziarahi kematian bapa saudara saya, yang meninggal dunia di sana," jelasnya.



INGIN MAJU: Kulvinder mahu terus maju dalam dunia silat.

Walaupun Kulvinder berada di gelanggang pada masa perlawanan tersebut, tetapi hatinya belum bersedia untuk menentang lawannya itu.

Setiausaha satu Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Mohamed Khamin Said, menyifatkan Kulvinder, yang dilatih oleh Saini, guru Sendeng Jaya Putra, mempunyai bakat yang tersendiri.

"Berikan Kulvinder sedikit masa lagi, beliau pasti menunjukkan persembah baik dan mungkin dapat menyaingi lawan-lawannya," kata Khamin.

Semasa ditanya sama ada beliau ada mengamalkan seni batin dalam mempelajari seni silat ini, Kulvinder menjelaskan:

"Tidak, saya tidak mempelajari sebarang ilmu batin. Apa yang saya lakukan lebih merupakan seni pertahanan diri seperti taekwondo, karate dan sebagainya."